



## Pentafsiran Ayat Pendidikan Luqman Mengikut Perspektif Ahli Tafsir Kontemporari

Salihin Hj Hussin<sup>1</sup>

Ahmad Najib Abdullah<sup>2</sup>

Wan Rohani Wan Mokhtar<sup>3</sup>

### Abstrak

Pendidikan Al-Qur'an mempunyai ciri, objektif, matlamat serta kaedah tersendiri dalam menyampaikan mesejnya kepada manusia. Antara contoh pendidikan dalam al-Qur'an ialah pendidikan Luqman kepada anaknya. Pendidikan Luqman merupakan contoh terbaik untuk mendidik manusia ke jalan yang lurus bagi mencapai kesejahteraan di dunia dan akhirat, ia merupakan model pendidikan *Rabbāni* yang sesuai untuk manusia sejagat. Kajian ini merupakan kajian terhadap ayat pendidikan Luqman dalam surah Luqman, tumpuan utama kajian ini adalah untuk merungkai idealogi dan pentafsiran ayat pendidikan Luqman berdasarkan dua tokoh tafsir kontemporari iaitu *Sayyid Qutb* dan *al-Sha'rāwī*. Metode historis dan dokumentasi digunakan untuk mengumpul data kajian, manakala metode induktif, deduktif dan komperatif digunakan untuk menganalisis data. Kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan pada metode pentafsiran ayat pendidikan Luqman mengikut kedua-dua tokoh tafsir tersebut serta terdapat persamaan pada pentafsiran dan pandangan mereka terhadap konsep pendidikan dalam ayat pendidikan Luqman.

**Kata kunci:** pentafsiran, ayat pendidikan Luqman, ahli tafsir kontemporari

### PENDAHULUAN

Semenjak akhir-akhir ini masalah keperibadian dan sahsiah muslim terutamanya dalam kalangan remaja semakin menjadi-jadi. Walaupun terdapat pelbagai usaha daripada berbagai-bagi pihak untuk menanganinya tetapi nampaknya kerosakan anak muda zaman sekarang semakin berleluasa. Faktor berlakunya masalah ini antaranya disebabkan oleh kurangnya penghayatan mereka terhadap pendidikan Islam sama ada dalam bentuk akidah, ibadah dan akhlak. Oleh itu, perlu melihat kembali kandungan dan kaedah serta strategi pendidikan al-Qur'an agar dapat diketengahkan kepada masyarakat untuk sama-sama menghayati serta membantu memperkasakannya dalam membentuk keperibadian dan sahsiah remaja zaman sekarang, di samping mencari punca dan jalan penyelesaian melalui penekanan terhadap aspek pentarbiyan dan pendidikan sebagaimana disarankan dalam

<sup>1</sup> Pelajar sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (Nilam Puri)

<sup>3</sup> Guru Bahasa, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (Nilam Puri)

al-Qur'an. Jesteru, merujuk kepada pandangan ulama' kontemporari mengenai pendirian dan pentafsiran mereka terhadap ayat al-Qur'an terutamanya ayat pendidikan amat penting kerana penurunan al-Qur'an kepada manusia sejagat adalah sebagai panduan hidup mereka bahkan dalamnya mengandungi pelbagai pedoman untuk kehidupan manusia. Manusia dituntut untuk membaca, mengkaji dan memahami isi kandungannya supaya boleh menjadikan al-Qur'an sebagai rujukan asas dan panduan dalam menjalani kehidupan seharian.

Konsep pendidikan dalam al-Qur'an adalah menjadi nilai seimbang antara jasmani dan rohani, antara keimanan dan keilmuan dan pendidikan *rabbānī* juga menyediakan pelbagai keperluan asas kepada manusia dalam kehidupan sebagai khalifah di muka bumi ini. Firman Allah s.w.t

وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تِبْيَانًا لِكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَبُشْرَى لِلْمُسْلِمِينَ

Terjemahan: Dan Kami turunkan kepadamu Al-Qur'an menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi hidayah petunjuk, serta membawa rahmat dan berita yang mengembirakan, bagi orang-orang Islam.

Surah al-Nahl (16:89)

Sebagaimana yang telah diketahui bahawa pendidikan Luqman adalah salah satu daripada pendidikan yang perlu dicontohi. Kaedah, kandungan dan intisari pendidikan yang terdapat dalam pendidikan Luqman amat berguna untuk dijadikan sebagai panduan untuk mendidik dan membentuk peribadi anak-anak zaman sekarang. Pendidikan Luqman kepada anaknya menjadi titik tolak asas pendidikan *rabbānī* kerana perbahasananya merangkumi aspek yang sangat luas meliputi tiga aspek utama iaitu pendidikan akidah, ibadah dan akhlak yang merupakan tunjang kepada kesempurnaan seorang muslim.

## AHLI TAFSIR KONTEMPORARI

Ahli tafsir kontemporari yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah Sayyid Qutb dan al-Sha'rāwī. Pengiktirafan kedua tokoh ini sebagai tokoh tafsir kontemporari berdasarkan kedua-duanya hidup pada zaman permulaan perkembangan teknologi. Mereka telah menceburkan diri dalam bidang pendidikan serta banyak pengalaman dalam bidang dakwah. Berdasarkan pengetahuan, perjalanan hidup serta pengalaman dan kerjaya ini sudah tentu pandangan mereka terhadap pendidikan dan pendekatan mereka dalam dakwah sesuai dengan perkembangan zaman.

Sayyid Qutb merupakan pengarang kitab *Tafsir Fī Zilāl al-Qur'ān* yang merupakan sebuah kitab tafsir kontemporari. Beliau boleh dianggap sebagai pengasas pengkajian baru dalam ilmu tafsir. Beliau dilahirkan pada 9 Oktober 1906 M. di kampung *Musya* dalam kota *Asyūt*, Mesir.<sup>4</sup> Sayyid Qutb berasal daripada keluarga yang terkenal dengan warak serta perihatin dalam hal-hal keagamaan. Ibubapa beliau adalah orang yang mengajar dan mendidik beliau semenjak kecil. Sayyid Qutb pada awal usianya merupakan seorang yang sangat pandai kerana pada usianya yang muda, beliau mampu menghafal al-Qur'an.<sup>5</sup> Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah kerajaan. Setelah tamat sekolah Rendah, beliau melanjutkan pendidikannya di *Madrasah Thānāwiyyah* dan seterusnya memasuki

<sup>4</sup> Nusair Zarwāk (2009) *Maqhāsid al-Syārī'atul al-'Iṣlāmiyyah fī Fikr al-'Imām Sayyid Qutb*, Dār al-Salām c.1, h.31

<sup>5</sup> Ibid.

institusi perguruan serta meneruskan pengajiannya di Universiti *Dār al-‘Ulūm* sehingga memperolehi ijazah sarjana dalam bidang sastera dan diploma pendidikan.<sup>6</sup> *Sayyid Qutb* berkesempatan belajar di U.S.A di *Wilson’s Teacher College* dan *Stanford University* sehingga memperolehi sarjana dalam bidang pendidikan. Beliau tinggal di Amerika selama dua tahun setengah. Melalui pengamatan terhadap peradaban dan kebudayaan yang berkembang di Amerika, beliau melihat bahawa Barat telah berkembang maju dalam bidang sains dan teknologi, namun sesungguhnya ia merupakan peradaban yang rapuh kerana mereka kekurangan nilai-nilai spiritual. Dari pengalaman yang diperolehi semasa belajar di barat muncul paradigma baru dalam pemikiran *Sayyid Qutb*. Apabila beliau pulang dari negara barat, beliau terus bergabung dalam keanggotaan gerakan *Ikhwān al-Muslīmīn* yang dipelopori oleh Hasan al-Banna pada tahun 1951 dan selepas itu beliau dilantik sebagai ketua dakwah badan tersebut.<sup>7</sup>

*Sayyid Qutb* merupakan seorang tokoh yang ulung dalam bidang kesusastraan. Beliau mempunyai keistimewaan tersendiri dalam bidang penulisan. Sepanjang hayatnya, *Sayyid Qutb* telah menghasilkan lebih dari dua puluh buah karya dalam berbagai bidang. Penulisan buku-bukunya juga berkaitan perjalanan hidupnya. Pada tahun 1940-an, *Sayyid Qutb* mulai menerapkan unsur-unsur agama di dalam karyanya. Antara karya beliau yang masyhur dapat dilengkapkan semasa beliau ditahan dalam penjara pada tahun 1960 iaitu kitab tafsir *Fī-Zilāl al-Qur’ān* yang merupakan kitab tafsir kontemporari yang agung. Pada 29 Ogos 1966, *Sayyid Qutb* dikenakan hukuman mati atas tuduhan perencanaan menggulingkan pemerintahan Jamal Abdul Nasir.<sup>8</sup>

Tafsir *Fī Zilāl al-Qur’ān* adalah sebuah tafsir yang ditulis dengan bersandarkan kepada kajian *Sayyid Qutb* yang mendalam yang ditimba secara langsung dari al-Qur'an dan al-Sunnah, di samping bersumberkan kepada kitab-kitab tafsir yang mu'tabar. Dalam tafsir ini *Sayyid Qutb* telah mengutarakan pendiriannya secara mendalam yang mengandungi perbincangan dari sudut aqidah, syariah, tarbiah, kisah-kisah silam dan ilmu pengetahuan. Bentuk-bentuk penulisan dan gaya bahasa yang digunakan oleh *Sayyid Qutb* dalam pentafsirannya dalam tafsir ini amat indah, setiap persoalan yang dikemukakan dikupas dengan teliti dan lengkap. Tafsir ini mengumpulkan pandangan serta pendapat dari kitab tafsir terdahulu. Pandangan yang dibawa *Sayyid Qutb* dalam tafsir ini lebih tertumpu kepada masalah keimanan di samping mengemukakan sistem hidup Islam yang sebenar.

Ahli tafsir kontemporari yang kedua yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah *al-Sya’rāwī*. Nama beliau ialah *Muhammad Mutawallī al-Sya’rāwī*, dilahirkan pada 15 April tahun 1911 M di kampung *Daqadus*, Mesir.<sup>9</sup> *Al-Sya’rāwī* telah menerima pendidikan al-Qur'an dibawah bimbingan empat orang shaikh pengajar al-Qur'an di *Daqādus*, beliau dapat menghafaz al-Qur'an ketika berusia 11 tahun.<sup>10</sup> *Al-Sya’rāwī* mendaftar sebagai pelajar di *Madrasah Ibtidā'iyyah*, kemudian *'Idādī* dan peringkat *al-Thānawīyyah* di Maahad al-Azhar, di *Zaqāzīq*<sup>11</sup>. Sejak kecil lagi, sudah timbul kecerdasannya dalam menghafal puisi dan pepatah Arab.<sup>12</sup> Apabila beliau memasuki *Madrasah Thānawīyyah* bertambahlah minatnya dalam kesusastraan bahasa Arab, dan beliau telah mendapatkan

<sup>6</sup> Ibid. h 33

<sup>7</sup> Ibid. h 35

<sup>8</sup> Ibid h. 41

<sup>9</sup> Alī Muhammad al'Ajalah (1998). *Mā Hiya Asrār al Najāh al Sh'arāwī Ka Dā'iyyah*, Majalah al Manar, j. 24, bil. 4 Ogos 1998, h. 8

<sup>10</sup> Ibid, h.5

<sup>11</sup> Ibid, h.5

<sup>12</sup> Ahmad 'Umar Hāshim (1998), *Al-Imām al-Sha'rāwī Mufassirīn Wa Da'iyyah*, Akhbār al-Yaum Kaherah.h24

tempat khusus di antara rakan-rakannya, serta terpilih sebagai ketua persatuan mahasiswa dan menjadi ketua kumpulan sasterawan di *Zaqāziq*. Beliau kemudiannya menyambung pengajian di Universiti al-Azhar dalam bidang bahasa Arab pada tahun 1937M<sup>13</sup> dan memperolehi ijazah *'Alamiyah* iaitu ijazah khas daripada Universiti al-Azhar pada tahun 1941M, seterusnya beliau berjaya mendapat ijazah Perguruan pada tahun 1943M.<sup>14</sup>

*Al Sya'rāwī* memiliki keperibadian yang sangat mulia dan terpuji, seorang yang banyak beribadat dan bersolat.. ”. *Al Sya'rāwī* telah menceburkan diri dalam pelbagai kerjaya, setelah dianugerahkan ijazah perguruan pada tahun 1943M, beliau ditugaskan mengajar agama di Ma'ahad *Thanta*<sup>15</sup>. Selepas itu, beliau dipindahkan ke Ma'ahad di *Zaqāziq*, kemudian maahad agama di *Iskandariah*. *Al-Syā'rāwī* berpindah untuk bekerja di Saudi Arabia pada tahun 1950M sebagai profesor dalam syari'ah di Universiti *Ummu al-Qurā*.<sup>16</sup> Beliau juga pernah ditugaskan di Kaherah sebagai Rektor di pejabat Syeikh al-Azhar<sup>17</sup>. Kemudian beliau pergi ke Algeria sebagai ketua duta al-Azhar dan menetap selama tujuh tahun, dan setelah itu, beliau kembali sekali lagi ke Kaherah untuk ditugaskan sebagai Ketua Jabatan Agama *Muhafazah Gharbiyah*, kemudian beliau menjadi wakil dakwah, serta menjadi utusan al-Azhar untuk kali keduanya ke Saudi Arabia untuk mengajar di Universiti King Abdul Aziz.<sup>18</sup> Beliau juga pernah ditugaskan untuk Kementerian Wakaf dan Urusan al-Azhar sehingga bulan Oktober 1978 M. Beliaulah orang yang pertama memberikan cadangan tentang penubuhan bank Islam pertama di Mesir iaitu Bank Faisal.<sup>19</sup>

*Al-Sya'rāwī* diberikan tanda penghargaan pertama sebelum ditugaskan menjadi Menteri Wakaf dan Urusan al-Azhar. Beliau pertama kali mendapatkan penghargaan peringkat kebangsaan pada tahun 1983M dan pada hari *Da'i Kebangsaan* tahun 1988 M, beliau sekali lagi mendapatkan gelar Doktor Honoris Causa pada bidang sastera dari Universiti al-Manshurah dan Universiti al-Azhar *Daqahlia*.<sup>20</sup>

*Tafsir Al-Sya'rāwī* merupakan karya yang telah dikumpulkan oleh anak-anak murid *Al-Sya'rāwī* untuk disebarluaskan melalui rakaman suara ketika beliau mengajar di masjid dan siaran televisyen. Sebelum menjadi karya tafsir, pendokumentasian ceramah-ceramah *al-Sya'rāwī* terlebih dahulu dimuat dalam majalah *al-Liwa al-Islami*. Kemudian dikumpulkan dalam bentuk buku bersiri yang diberi nama *Khawathirī hawl al-Qurān al-Karīm*, yang diterbitkan mulai tahun 1982 oleh penerbit *Dār Mayu al-Wathāniyyah*. *Tafsir al-Sya'rāwī*, disebut demikian adalah keinginan dari penerbit, mulai diterbitkan dalam bentuk karya tafsir tahun 1991 oleh penerbit *Akbār al-Yaum*.<sup>21</sup>

## AYAT PENDIDIKAN LUQMAN

Ayat pendidikan dalam surah Luqman merupakan ayat yang berbentuk wasiat Luqman dan pentarbiyan kepada anaknya, merangkumi 8 ayat iaitu bermula daripada ayat 12

<sup>13</sup> Ibid, h.6

<sup>14</sup> Ibid,h.9

<sup>15</sup> Umar Ya'qub Jamil al-Salihī, *Madrasah al-Shaykh Al-Sha'rāwi fi al-Tafsīr*, h. 209. lihat juga 'Abd al-Mu'iz 'Abd al-Jazar et al., *al-Sya'rāwi: Imām al-Da'āt Mujaddid Hadhā al-Qur'ān*, 12-13.

<sup>16</sup> Muhammad Yasin Jazar (1990), 'Alim 'Asrihi fi 'Uyūn Ma'āsirihī, Qaherah: Maktabah al-Turāth al-Islāmī, h. 14.

<sup>17</sup> Musthafa Umar, *Metode 'Aqliyyah Ijtima'iyyah: Kajian Terhadap Tafsir al-Sya'rāwī*, h. 27.

<sup>18</sup> Al-Munshawi et al., *Al-Sheikh al-Sya'rāwi wa Hadīth al-Zikrāyāt*, h. 34

<sup>19</sup> Ibid.

<sup>20</sup> Majdi 'Abd al Mu'tī (2013), op.cit.h.9

<sup>21</sup> Al-Sya'rāwī (1982), *al-Khawāthir Hawl al-Qur'ān al-Karīm*, c.1,j.1, Kaherah: Dār Mayu al-Wathāniyyah, h.18.

yang menceritakan tentang peribadi Luqman al-Hakim dan ayat 13-19 yang menceritakan secara khusus perkara berkaitan nasihat dan kaedah pendidikan yang diaplikasikan oleh Luqman al-Hakim kepada anaknya. Ayat-ayat tersebut merupakan ayat wasiat berbentuk pendidikan yang mengandungi tiga aspek pendidikan penting iaitu pendidikan akidah, ibadah dan akhlak. Dalam pendidikan akidah, penumpuan diberikan dalam mengajar anak-anak supaya mentauhidkan Allah s.w.t iaitu larangan mensyirikkanNya, manakala dalam pendidikan ibadah pula memberi tumpuan terhadap amalan solat serta suruhan melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran. Aspek yang terakhir dalam pendidikan Luqman pula memberi penekanan terhadap pendidikan akhlak. Di bawah merupakan ayat pendidikan Luqman yang dibincangkan dalam kajian ini iaitu ayat 12-19:

وَلَقَدْ آتَيْنَا لُقْمَانَ الْحِكْمَةَ أَنِ اشْكُرْ لِلَّهِ وَمَنْ يَشْكُرْ فَإِنَّمَا يَشْكُرْ لِنَفْسِهِ وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ عَنِّيْ حَمِيدٌ ﴿١٢﴾

Terjemahan:

Dan sesungguhnya Kami telah memberi kepada Luqman, hikmat kebijaksanaan,(serta Kami perintahkan kepadanya): Bersyukurlah kepada Allah (akan segala nikmatNya kepadamu)". Dan sesiapa yang bersyukur maka faedahnya itu hanyalah terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang tidak bersyukur (maka tidaklah menjadi hal kepada Allah), kerana sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi Maha Terpuji.

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعِظُهُ يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشَّرِكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ﴿١٣﴾

Terjemahan:

Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya:" Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekuatkan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar".

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتُهُ أُمُّهُ وَهُنَّا عَلَىٰ وَهُنِّ وَفِصَالُهُ فِي عَامَيْنِ أَنِ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْنِكَ إِلَيَّ الْمَصِيرُ ﴿١٤﴾

Terjemahan:

Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua ibubapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah juga tempat kembali (untuk menerima balasan)

وَإِنْ جَاهَدَاكَ عَلَىٰ أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطْعِهُمَا وَصَاحِبُهُمَا  
فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا وَاتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَيَّ ثُمَّ إِلَيَّ مَرْجِعُكُمْ فَأُنْتُمْ كُنْتُمْ  
تَعْمَلُونَ ﴿١٥﴾

Terjemahan:

Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekuatkan denganKu sesuatu yang engkau- dengan fikiran sihatmu - tidak mengetahui sungguh adanya maka janganlah engkau taat kepada mereka; dan bergaulah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik. Dan turutlah jalan orang-orang yang rujuk kembali kepadaKu (dengan tauhid dan amal-amal yang soleh). Kemudian kepada Akulah tempat kembali kamu semuanya, maka Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan

بَا يُنَيِّ إِلَّا إِنْ تَلُكُ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِّنْ حَرْدَلٍ فَتَكُنْ فِي صَحْرَاءٍ أَوْ فِي السَّمَاوَاتِ أَوْ  
فِي الْأَرْضِ يَأْتِ بِهَا اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ لَطِيفٌ حَسِيرٌ ﴿١٦﴾

Luqman menasihati anaknya dengan berkata):

"Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya jika ada sesuatu perkara (yang baik atau yang buruk) sekalipun seberat bijih sawi, serta ia tersembunyi di dalam batu besar atau di langit atau pun di bumi, nescaya tetap akan dibawa oleh Allah (untuk dihakimi dan dibalasNya); kerana sesungguhnya Allah Maha Halus pengetahuanNya; lagi Amat Meliputi akan segala yang tersembunyi.

بَا يُنَيِّ أَقِمِ الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَانْهِ عَنِ الْمُنْكَرِ وَاصْبِرْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ إِنَّ  
ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ ﴿١٧﴾

Terjemahan:

Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang, dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya.

وَلَا تُصَرِّرْ خَدْكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْسِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ  
فَخُورٍ ﴿١٨﴾

Terjemahan:

"Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sompong; sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sompong takbur, lagi membanggakan diri.

وَاقْصِدْ فِي مَشْيَكَ وَاغْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ إِنْ أَنْكَرَ الْأَصْوَاتِ لَصَوْتِ

الْخَيْرِ ﴿١٩﴾

Terjemahan:

"Dan sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan, juga rendahkanlah suaramu (semasa berkata-kata), sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai".

## PENTAFSIRAN AYAT PENDIDIKAN LUQMAN MENGIKUT TOKOH TAFSIR KONTEMPORARI

Terdapat perbeaan pentafsiran ayat pendidikan Luqman mengikut dua tokoh tafsir kontemporari. Perbeaan ini merangkumi aspek metode pentafsiran, tema perbincangan khususnya mengenai kandungan ayat yang dibincangkan. Metode pentafsiran ayat pendidikan Luqman kadang-kadang ditafsir dengan menggunakan pentafsiran *bi al-Ra'yi* dan kadang-kadang ditafsirkan dengan *bi al-Ma'thûr* iaitu pentafsiran ayat al-Qur'an dengan al-Qur'an dengan membawa beberapa ayat untuk menghuraikan pengertian beberapa perkataan dalam ayat.<sup>22</sup>

Dari sudut tema perbincangan pula, kadang-kadang kedua tokoh tafsir membincangkan tema yang sama kadang-kadang berbeza.<sup>23</sup> Gaya pentafsiran pula *al-Sya'râ'i* lebih tertumpu kepada analisis perkataan untuk mendapatkan penjelasan lebih mendalam. Beliau sering mengaitkan setiap satu topik dengan topik yang lain. Manakala *Sayyid Qutb* menafsirkan ayat keseluruhannya dengan menggunakan gaya bahasa yang menarik dan mengalihkan perhatian pembaca dengan lontaran persoalan yang membolehkan pembaca turut berfikir untuk mendapatkan jawapan semasa membacanya.

Dalam mentafsirkan ayat pendidikan Luqman, *Sayyid Qutb* tidak ketinggalan menggunakan dalil *naqliyyah* iaitu berasaskan al-Qur'an dan al-Hadis. Walau bagaimana pun beliau lebih banyak mentafsirkan ayat ini *bi al-Ra'yi* dan yang paling menonjol pentafsirannya yang digunakan memperlihatkan kepelbagaiannya penggunaan bahasa dan aspek kesusastaraan al-Qur'an. Gaya bahasa yang digunakan dalam mengeluarkan pandangan terhadap satu topik adalah sangat menarik. Pembicaraan, saran dan inspirasinya yang luas dan mendalam membuat akal manusia tertarik dan terpesona terutamanya pada perkara berkait rapat dengan sistem keluarga dan kemasyarakatan.

*Al-Sya'râ'i* juga mentafsirkan ayat pendidikan Luqman dengan tafsir *bi al-Ra'yi*. Oleh kerana beliau pakar dalam bahasa Arab, beliau banyak menghuraikan ayat berpandukan penjelasan dari segi bahasa bertujuan semata-mata memudahkan memahami maksud al-Qur'an. *Al-Sya'râ'i* juga banyak mentafsirkan ayat pendidikan Luqman *bi al-Ma'thûr* iaitu pentafsiran al-Qur'an dengan al-Qur'an, pentafsiran al-Qur'an dengan hadis, kata-kata sahabat dan *tâbi'in*. Dalam mentafsirkan ayat al-Qur'an dengan ayat al-Qur'an yang lain, *Al-Sya'râ'i* mentafsirkan dengan hasil ijтиhadnya sendiri dalam membandingkan suatu ayat dengan ayat yang lain. Begitu juga, hadis dijadikan sandaran untuk memahami ayat al-Qur'an. Walau bagaimana pun, hadis yang dibawa oleh beliau tidak semestinya menjelaskan ayat secara total, malah cukup sekadar memiliki kandungan yang sama dengan apa yang dimaksudkan dalam sesuatu ayat yang ditafsirkan.

<sup>22</sup> Sayyid Quṭb (1987), h2781

<sup>23</sup> Ibid, h 2781-2784

Kesimpulannya, dalam mentafsirkan ayat-ayat pendidikan Luqman, kedua-dua tokoh tafsir banyak menggunakan metode pentafsiran *bi al-Ra'yi*, walau bagaimanapun, kedua-duanya tidak meninggalkan tafsir *bi al-Ma'thūr*.

Kajian ini hanya menyentuh secara ringkas metode, tema dan gaya pentafsiran mereka, tumpuan utama kajian dan perbincangan di sini diberi keutamaan terhadap pandangan dan idealogi mereka terhadap pendidikan Luqman.

## **PENDIDIKAN LUQMAN MENURUT PERSPEKTIF SAYYID QUtb DAN AL-SYA'RāWī**

Wasiat Luqman yang terkandung dalam ayat 12-19 surah Luqman mengikut pandangan tokoh tafsir kontemporai iaitu *Sayyid Qutb* dan *al-Sya'rāwī* sama dalam beberapa aspek seperti:

### **Konsep Pendidikan Luqman**

Perbincangan pendidikan Luqman yang diperjelaskan oleh kedua tokoh tafsir dalam wasiat Luqman ayat 12-19 surah Luqman boleh dirumuskan seperti berikut:

#### ***Objektif Pendidikan Luqman***

Kedua-dua tokoh menerangkan objekif pendidikan Luqman adalah selaras dengan objektif kejadian manusia iaitu bertaqarrub atau mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. melalui ibadat solat dan hubungan sesama manusia iaitu berbuat baik kepada kedua ibubapa, amar ma'ruf dan nahi mungkar.

#### ***Matlamat***

Kedua-dua tokoh berpendapat pendidikan Luqman bermatlamatkan akhirat dan pada waktu yang sama dapat memenuhi keperluan dunia. Matlamat utama pendidikan Luqman mengikut kitab tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān* dan kitab tafsir *al-Sya'rāwī* boleh dirumuskan seperti berikut:

- a. Supaya manusia terhindar daripada siksaan api neraka serta dapat melakukan suruhan Allah s.w.t di samping menjauhi larangannya terutamanya syirik kepada Allah s.w.t. serta mengingkari perintahNya kerana balasan perbuatan ingkar adalah neraka
- b. Supaya lahirnya generasi yang kukuh dan kuat dalam segala aspek kehidupan ada rohani atau jasmani melalui suruhan bersabar dalam melakukan amalan
- c. Supaya lahirnya insan kamil, berguna serta bermanfaat bagi dirinya mahupun masyarakat sebagaimana galakan menyuruh orang lain melakukan kebaikan serta mencegah daripada kemungkaran.
- d. Melahirkan anak yang soleh, mentaati Allah s.w.t. dan kedua ibubapa.
- e. Melahirkan manusia yang berperibadi mulia sebagaimana ditegaskan dalam pentafsiran ayat larangan bersikap sompong dan bongkak serta adab semasa bercakap dan berjalan

## Kandungan Pendidikan Luqman

Kedua-duanya tokoh tafsir membincangkan kandungan yang sama mengikut maksud al-Qur'an, tetapi apa yang membezakan kedua-keduanya ialah jalan cerita untuk sampai kepada tema tersebut. Sebagai contoh dalam mentafsirkan konsep syirik *Sayyid Qutb* menerangkan bahawa manusia mesti menjauhi daripada syirik tetapi *al-Sya'rāwī* menyatakan bahawa manusia perlu menjauhi maksiat yang boleh membawa kepada syirik, begitu juga dalam mentafsirkan konsep berbuat baik kepada ibu bapa, *Sayyid Qutb* menerangkan alasan kenapa perlu bagi anak berbuat baik kepada ibu bapa iaitu kerana kesusahan ibu bapa melahir dan membesar mereka. Bagi *al-Sya'rāwī*, selain ibu bapa membesar anak beliau menambah lagi situasi yang perlu anak mentaati ibubapa iaitu dalam apa jua keadaan ibu bapa dan anak perlu berterima kasih kepada keduanya.

Scara ringkasnya tema dan kandungan pendidikan Luqman ayat 12-19 daripada pandangan pentafsiran *Sayyid Qutb* dan *Al-Sya'rāwī* dirumuskan seperti berikut:

### Pendidikan Akidah

Kedua-dua tokoh tafsir menjelaskan pendidikan Luqman mencakupi gabungan hubungan manusia dengan Penciptanya dan hubungan manusia sesama manusia mengandungi suruhan dan larangan melalui nasihat yang bersesuaian dengan keadaan serta tahap pemikiran seorang anak seperti suruhan bersyukur dan larangan menyekutukan Allah s.w.t.<sup>24</sup> Dalam wasiat Luqman terdapat nilai akidah yang hendak disampaikan iaitu:

- i. Suruhan bersyukur kepada Allah s.w.t. dan tidak mengkufurkannya dalam ayat 12, dan ayat 13
- ii. Keimanan kepada hari akhirat dan keyakinan terhadap balasan dalam ayat 14-15
- iii. Beriman kepada Allah s.w.t. serta yakin dengan sifat Allah s.w.t. iaitu Maha Mengetahui serta yakin terhadap pengawasan Allah s.w.t. yang terkandung dalam ayat 16

### Pendidikan Ibadah

Pendidikan Ibadah yang terkandung dalam pendidikan Luqman terdapat pada ayat 17 tentang suruhan menunaikan solat<sup>25</sup>

### Pendidikan Akhlak

Pendidikan akhlak yang terkandung dalam pendidikan Luqman tentang suruhan bersyukur kepada Allah s.w.t. dalam ayat 12, suruhan berbuat baik kepada ibu dalam ayat 14,15, galakan menyuruh melakukan kebaikan dan melarang daripada melakukan kemungkar dan sabar dalam menghadapi musibah dan bala dalam ayat 17. Pendidikan akhlak dalam pendidikan Luqman juga terdapat dalam larangan bersikap sombong yang terdapat dalam ayat 18 serta adab dalam percakapan serta adab berjalan dalam ayat 19.<sup>26</sup>

<sup>24</sup> Ibid, h.2781

<sup>25</sup> Al-Syā'rāwī, ( t.t.), op.cit, h.11654

<sup>26</sup> Ibid, h. 11647

## Ciri-Ciri Pendidikan Luqman

Ciri-ciri Pendidikan Luqman yang dapat dikupas dalam tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān* dan kitab tafsir *Al-Sya'rāwī* seperti berikut:

### *Berasaskan Tauhid*

Pendidikan Luqman al-Hakim sebagaimana ditafsirkan oleh kedua-dua tokoh adalah mempunyai strategi yang mantap dan tersusun rapi, mengikut urutan dan merupakan strategi yang berkesan untuk mendidik anak. Pendidikan Luqman juga mencakupi bidang yang sangat luas dan sempurna. Suruhan mensyukuri nikmat Allah s.w.t. diikuti dengan penjelasan yang mengatakan bahawa perbuatan tersebut untuk kebaikan diri anak sendiri kerana alasan yang disertakan selepas sesuatu perintah atau suruhan mampu menggerakkan hati anak untuk menerima pendidikan. Beliau mengajar anaknya mengenali Tuhan yang Maha Esa iaitu Allah s.w.t dan tidak mensyirikkan kerana syirik ialah menyamakan Pencipta dengan makhluk. Selain itu, Luqman al-Hakim juga menjelaskan tentang balasan Tuhan terhadap semua perbuatan di dunia sama ada baik atau buruk dan beliau mengajar anaknya konsep taubah sekiranya tersalah melakukan perkara maksiat dan dosa dengan kembali melaksanakan ketaatan.

### *Adil dan Seimbang*

Keadilan dan keseimbangan dalam pendidikan Luqman boleh dilihat ketika *al-Sya'rāwī* mentafsirkan ayat 12 di mana beliau membawa cerita Adam a.s. di dalam syurga sebelum dikeluarkan ke bumi untuk dijadikan sebagai khalifah. *Al-Sya'rāwī* menjelaskan bahawa sebelum Allah s.w.t. menghalau Adam a.s., Allah s.w.t. terlebih dahulu mlarang Adam a.s. supaya tidak mendekati pokok terlarang. Keterangan ini menunjukkan bahawa sebaiknya sesuatu tindakan diambil perlu diberi peraturan dan peringatan terlebih dahulu dan sebelum Adam a.s. dikeluarkan dari syurga Allah s.w.t. telah menyediakan segala kemudahan baginya. Ini jelas menunjukkan pendidikan Luqman seimbang dari aspek peraturan dan hukumannya.

### *Strategi Yang Mantap*

Strategi pendidikan Luqman yang dikupas daripada dua buah kitab tafsir adalah suatu strategi yang mantap dalam perkara berikut:

**Kaedah:** Pendidikan Luqman mempunyai kaedah yang tersendiri bertepatan dengan kaedah pendidikan yang disarankan dalam al-Qur'an.

**Bahasa:** Pendidikan Luqman dengan kaedah pemilihan kata seruan, panggilan manja, permintaan, rayuan boleh dilihat ketika beliau memanggil anaknya dengan panggilan manja seperti yang dilakukan kepada anak-anak kecil<sup>27</sup>. Panggilan seperti ini menunjukkan kasih sayang dan cinta yang mendalam dan boleh menyentuh hati anak. Begitu juga, beliau membuat perbandingan tentang sesuatu perkara sewaktu memberi pendidikan bertujuan menimbulkan kesan yang mendalam kepada hati anaknya. Beliau mlarang anaknya

---

<sup>27</sup> Ibid

bercakap dengan nada yang kuat kerana mempamerkan imej diri yang buruk. Bahasa yang digunakan seperti itu menepati keperluan pendidikan dalam Islam.

**Masa:** Mengikut tafsir yang dikemukakan terdapat penerangan tentang masa yang sesuai untuk mendidik anak iaitu bermula daripada mereka masih kecil. *Al-Sya'rāwī* dalam tafsirnya menyentuh tentang waktu yang sesuai untuk mendidik anak iaitu semasa anak masih kecil, keadaan dan suasana semasa mendidik juga turut diperbincangkan iaitu dalam suasana dan keadaan anak boleh terima nasihat supaya mereka boleh mengikuti apa yang dinasihat dan diajar<sup>28</sup>.

### ***Menuntut kerjasama semua pihak***

Kitab tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān* dan kitab tafsir *Al-Sya'rāwī* menjelaskan dalam mentafsirkan pendidikan Luqman bahawa tanggungjawap pendidikan adalah tanggungjawap semua orang secara keseluruhan<sup>29</sup>. Ibu bapa bertanggungjawab untuk mencorak dan memberi pendidikan sepertimana Luqman mendidik anaknya. Al-Qur'an menceritakan tentang kegigihan Luqman al-Hakim mendidik anaknya sehingga menjadi anak yang soleh dan beriman kepada Allah s.w.t.. Uslub al-Qur'an dalam pendidikan Luqman ini mengabadikan bahawa ibu bapa adalah memainkan peranan penting dalam mendidik anak, walau bagaimanapun, semua individu muslim juga bertanggungjawab mendidik individu dalam masyarakat dan dimulakan dengan individu yang lebih hampir kepada mereka terlebih dahulu.

### **Kaedah Pendidikan Luqman**

Kaedah pendidikan Luqman dalam surah Luqman mengikut pandangan kedua-dua ahli tafsir ini amat sesuai dan selari dengan kehendak dan matlamat pendidikan Islam. Kaedah pengajaran dan penyampaian adalah merupakan strategi berkesan kearah melahirkan insan cemerlang di dunia dan akhirat. Pendidikan Luqman ini mencakupi gabungan hubungan manusia dengan penciptanya dan hubungan manusia sesama manusia. Strategi pendidikan Luqman yang tersusun rapi, mengikut urutan, mantap menarik dan merangkumi dilihat amat sesuai dilaksanakan pada semua tempat dan masa.

*Al-Sya'rāwī* dan *Sayyid Qutb* telah mempersempahkan pendidikan dalam surah Luqman yang merupakan sebuah pendidikan yang baik kepada semua masyarakat terutamanya ibu bapa dan para pendidik. Suruhan dan larangan yang terkandung dalam Pendidikan Luqman bersesuaian dengan keadaan serta tahap pemikiran seorang anak.

Kaedah Pendidikan Luqman berdasarkan pentafsiran yang dikemukakan oleh kedua tokoh tafsir iaitu *al-Sya'rāwī* dan *Sayyid Qutb* boleh dirumuskan seperti berikut;

### ***Mengikut urutan perkara penting***

Luqman al-Hakim telah mendidik anaknya mengikut urutan pendidikan dengan mengutamakan perkara-perkara yang paling penting. Wasiat Luqman al-Hakim dimulakan dengan seruan kalimah tauhid serta tegahan mensyirikkan Allah s.w.t. merangkumi suruhan mengesakanNya, sifat syukur, mengerjakan solat, keikhlasan dalam beribadat, melaksanakan amar ma'aruf dan nahi mungkar, sabar dalam kesusahan larangan berlaku

<sup>28</sup> Ibid

<sup>29</sup> Ibid

sombong dan bongkak, larangan meninggikan suara tanpa keperluan<sup>30</sup>. Ini dapat dilihat urutan keutamaan dalam pendidikannya kerana beliau lebih terdahulu membentulkan akidah anaknya sebelum pelaksanaan ibadat dan amalan-amalan yang lain.

### **Penggunaan lafaz mubālaghah:**

Al-Qur'an telah memuatkan dalam kaedah pendidikan Luqman al-Hakim dengan pelbagai uslub yang berbeza. Ini bertujuan untuk merangsang jiwa pendengar agar sentiasa ingin mengetahui dan menimbulkan keghairahan sehingga menjadikan wasiat tersebut benar-benar memberi kesan yang mendalam dan berkekalan, antara uslub yang yang dimuatkan dalam wasiat Luqman seperti; خَيْرٌ، فَخُورٌ، لَطِيفٌ، حَمِيدٌ maksudnya: Maha mengetahui, sangat membanggakan diri, Maha Halus, Maha Terpuji. Lafaz-lafaz seperti ini merupakan lafaz yang diambil daripada kaedah *sighah mubālaghah* iaitu satu bentuk lafaz yang memberi maksud kesangatan dan keterlaluan dalam sesuatu sifat, ini memperlihatkan kekuasaan Allah s.w.t. dan kemuliaanNya melebihi makhluk (حَمِيدٌ، لَطِيفٌ، خَيْرٌ). Begitulah lafaz (فَخُورٌ) memberi erti sangat sompong yang merupakan sifat yang dilarang oleh Allah s.w.t.. Bagi yang memahami maksud lafaz ini akan lebih memberi kesan dalam dirinya dan seterusnya menerima nasihat dengan hati yang terbuka.

### **Umum dan Khusus**

Dalam dua pentafsiran tersebut telah menjelaskan kaedah pendidikan Luqman dimulakan nasihat dengan perkara yang lebih umum dan disusuli dengan dengan lebih khusus. Al-Qur'an mendahului wasiatnya dengan menyebut tentang perlunya berbuat baik kepada ibu bapa dalam bentuk umum kemudian disusuli pula tentang keutamaan pada pihak ibu secara lebih terperinci memandangkan kesengsaraan dan penderitaan yang ditanggung olehnya ketika mengandung dan ini melayakkannya untuk mendapat ihsan yang lebih<sup>31</sup>.

### **Penggunaan Misalan dan Bidalan**

Al-Sya'rāwī dan Sayyid Quṭb menjelaskan bahawa penggunaan misalan dan bidalan dan penggunaan gaya bahasa yang unik telah dipraktikkan oleh al-Qur'an berulang kali sepetimana perumpamaan yang dipaparkan untuk menerangkan kesempurnaan ilmu Allah s.w.t. yang halus lagi mendalam, ilmuNya yang meliputi segala-galanya<sup>32</sup> seperti digambarkan dalam surah Luqman ayat16 (31:16)

بِاَنْتَ نَلُوْمَهٗ إِنْ تَكُنْ مِّثْقَالَ حَبَّةٍ مِّنْ حَزْدَلٍ فَتَكُنْ فِي صَحْرَاءٍ اُوْلَئِي السَّمَاءَوَاتِ اُوْلَئِي  
فِي الْأَرْضِ يَأْتِي هَا اللَّهُ ۝ إِنَّ اللَّهَ لَطِيفٌ حَبِيرٌ

Terjemahan:

(Luqman menasihati anaknya dengan berkata): "Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya jika ada sesuatu perkara (yang baik atau yang buruk) sekalipun seberat bijih sawi, serta ia tersebunyi di dalam batu besar atau di langit atau pun di bumi, nescaya tetap akan dibawa oleh Allah s.w.t. (untuk dihakimi dan dibalasNya); kerana sesungguhnya Allah s.w.t.

<sup>30</sup> Sayyid Quṭb (1987), h.2781

<sup>31</sup> Al-Syā'rāwī, ( t.t.), op.cit, h. 11647

<sup>32</sup> Sayyid Quṭb (1987), op.cit, h.2789

Maha Halus pengetahuanNya; lagi Amat Meliputi akan segala yang tersembunyi.

### **Penggunaan Uslub Bertentangan**

Penggunaan uslub bertentangan ialah mendatangkan dua pengertian yang berlawanan.<sup>33</sup> Dimulakan dengan perintah melakukan kebaikan dan disusuli dengan tegahan melakukan kemungkaran turut digunakan dalam pendidikan Luqman kepada anaknya seperti mana ayat ke 17 (31:17)

وَأُمْرٌ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهْيٌ عَنِ الْمُنْكَرِ

Dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar.

### **Pembatasan Skop**

Kaedah pembatasan skop dalam pendidikan Luqman dapat dilihat pada ungkapan (إِلَيْ ) (إِلَيْ مَرْجُعَكُمْ) dan (إِلَيْ ) (إِلَيْ مَصِيرِكُمْ) sepatutnya dikemudiankan perkataan dalam kedua-dua ayat tersebut, tetapi disini didahuluikan bertujuan untuk menjelaskan bahawa hanya kepada Allah s.w.t. sahaja tempat kembali.

### **Bermula daripada Dekat Sebelum Yang Jauh**

Kedua-dua buah kitab tafsir berpandangan uslub al-Qur'an dalam pendidikan Luqman juga turut mengabadikan bahawa individu muslim bertanggungjawab terhadap mereka yang lebih hampir terlebih dahulu kemudian barulah Allah s.w.t. mengingatkan kita tentang tanggungjawab kemasyarakatan<sup>34</sup>. Orang yang beriman umpama satu jasad yang saling lengkap melengkapinya antara satu sama lain. Melalui pendidikan Luqman juga gesaan agar bersifat optimis dan bersungguh-sungguh kearah kebaikan membuktikan bahawa agama Islam adalah merupakan agama yang praktikal yang meliputi kata-kata (الأَمْرُ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهْيُ عَنِ الْمُنْكَرِ) iaitu menyeru kepada kebaikan dan mencerah kepada kemungkaran dan juga melalui amalan seperti solat serta menghiasi diri dengan sifat tawaduk.

### **Pendidikan Melalui Alasan dan Hujah**

Kedua-dua buah kitab tafsir berpendapat kaedah pendidikan Luqman membentangkan alasan-alasan yang kukuh bagi setiap hujah yang diutarakan. Setiap perintah atau larangan berdasarkan ayat 12-19 surah Luqman diikuti dengan alasan-alasan yang munasabah bertujuan menguatkan hujah<sup>35</sup>, seperti ayat 12 ketika Luqman menyuruh anaknya mensyukuri nikmat Allah s.w.t., suruhan ini diikuti dengan penjelasan yang mengatakan bahawa perbuatan tersebut untuk kebaikan diri anak sendiri. Alasan yang disertakan selepas sesuatu perintah atau suruhan mampu menggerakkan hati anak untuk menerima pendidikan yang diberikan kepadanya. Penjelasan dalam surah Luqman menunjukkan

<sup>33</sup> Al-Syā'rāwī, ( t.t.), op.cit, h.11654

<sup>34</sup> Ibid. h.11655

<sup>35</sup> Sayyid Quṭb (1987) Ibid, h.2788

Allah s.w.t. juga menyeru supaya setiap ibu bapa mencontohi Luqman al-Hakim yang memiliki kesempurnaan peribadi dan pendidikan Islam. (31: 12)

وَمَن يَشْكُرْ فَإِنَّمَا يَشْكُرْ لِنَفْسِهِ ۚ وَمَن كَفَرَ إِنَّ اللَّهَ عَلَيْهِ حَمْدٌ

Terjemahan:

Dan sesiapa yang bersyukur maka faedahnya itu hanyalah terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang tidak bersyukur (maka tidaklah menjadi hal kepada Allah s.w.t.), kerana sesungguhnya Allah s.w.t. Maha Kaya, lagi Maha Terpuji.

### ***Memujuk Dengan Panggilan Manja***

Kaedah pendidikan yang dipersembahkan oleh Luqman al-Hakim mengikut pemikiran *Al-Sya'rāwī dan Sayyid Qutb* menepati kehendak dan keperluan Islam yang bersesuaian sepanjang masa antara lain adalah pemilihan kata seru atau panggilan. Luqman al-Hakim telah memilih panggilan yang sesuai untuk anaknya sebagai intro medium komunikasi yang pertama.<sup>36</sup> Beliau memanggil anaknya dengan panggilan manja seperti yang dilakukan kepada anak-anak kecil. Firman Allah s.w.t. dalam ayat 13,16 dan 17. Seruan atau panggilan manja yang boleh memukau hati anak boleh lihat seperti;

- a) Firman Allah s.w.t. dalam ayat13

يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكُ بِاللَّهِ

Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekuatkan Allah s.w.t.

- b) Firman Allah s.w.t. dalam ayat16

يَا بُنَيَّ إِنَّكُ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِّنْ حَزْدَلٍ

Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya jika ada sesuatu perkara (yang baik atau yang buruk) sekalipun seberat bijih sawi.....

- c) Firman Allah s.w.t. dalam ayat17

يَا بُنَيَّ أَقِمِ الصَّلَاةَ

Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang

Luqman al-Hakim telah memilih nada seruan yang sangat lunak untuk menarik perhatian anaknya semasa memberi pendidikan. Ketepatan pemilihan gaya pendidikan melalui nada seruan seperti ini mampu meninggalkan kesan yang cukup mendalam kepada anak.

### ***Membuat Perbandingan:***

Luqman al-Hakim membuat perbandingan tentang sesuatu perkara sewaktu memberi pendidikan bertujuan menimbulkan kesan yang mendalam kepada hati anaknya.

<sup>36</sup> Al-Sya'rāwī, ( t.t.), op.cit. h.11655

Penggunaan kaedah membuat perbandingan yang ringkas tetapi mampu mendatangkan imiginasi yang besar kepada fikiran anaknya lebih mudah bagi anak untuk memahami maksud sesuatu perkara yang diperkatakan kepadanya<sup>37</sup>. Firman Allah s.w.t. ayat14; (31:14)

حَمَلْنَا أُمَّةً وَهُنَّ عَلَىٰ وَهُنِّ وَفِصَالُهُ فِي عَامَيْنِ

Terjemahan:

ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun.

Seterusnya Luqman al-Hakim membuat perbandingan tentang keburukan suara yang tinggi untuk menimbulkan kesedaran yang mendalam. Justeru itu, beliau melarang anaknya bercakap dengan nada yang kuat kerana memamerkan imej diri yang buruk. Beliau membandingkan sikap suka meninggikan suara melebihi keperluan seperti suara keldai sepetimana firman Allah s.w.t.

ayat19 (31:19)

إِنَّ أَنْكَرَ الْأَصْوَاتِ لَصَوْتِ الْحَمِيرِ

Sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai.

Kehadiran pendidikan secara perbandingan ini mampu memantapkan lagi nasihat Luqman al-Hakim kerana mesej pendidikan yang disampaikan menjadi lebih jelas dan kukuh menyebabkan anaknya terpegun mendengar isi hujahan tersebut.

### **Penegasan**

*Al-Sya'rāwī dan Sayyid Qutb* mengatakan Luqman al-Hakim memilih dan mengaplikasi kaedah pendidikan melalui gaya penegasan yang berulang-ulang seperti larangan syirik, perintah bersyukur dan keyakinan bahawa Allah s.w.t. merupakan tempat kembali bertujuan untuk menguatkan kewajiban berbuat baik kepada kedua ibubapa dan taat kepada perkara-perkara yang baik. Pengulangan perintah bersyukur kepada Allah s.w.t. termaktub dalam ayat 12, firman Allah s.w.t

أَنِ اشْكُرْ لِلَّهِ

Bersyukurlah kepada Allah s.w.t.

dan ayat 14

أَنِ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَيَّ الْمَصِيرُ

bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua ibubapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan).

### **Melalui Nasihat**

*Al-Sya'rāwī dan Sayyid Qutb* juga berpendapat pendidikan Luqman banyak menggunakan kaedah nasihat<sup>38</sup>. Beliau mendidik anaknya dengan suatu perkara melalui nasihat yang

<sup>37</sup> Ibid. h.11644

<sup>38</sup> Sayyid Quṭb ( 1987), h.2781

baik dan sopan supaya anaknya tidak melakukan syirik, berbuat baik kepada kedua ibu bapa, bersabar terhadap bala bencana, jangan bersombong, menunaikan solat serta melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran. Keindahan nasihat yang pelbagai ini menyebabkan anaknya tertarik dan patuh kepada segala suruhan dan larangan. Keseluruhan nasihat Luqman al-Hakim menghubungkan ikatan dengan perkara-perkara kebaikan yang mampu meninggalkan kesan kepada hati. Pendidikan Luqman ini adalah proses mendidik, menasihat, mengasuh, menerap, menyeru kearah kebaikan dengan tujuan perubahan tingkah laku. Ia dibawa dalam bentuk nasihat walau pun ayat-ayat itu menceritakan tentang hal Luqman al-Hakim menasihatkan anaknya ia secara langsung menasihatkan setiap pembaca al-Qur'an.

## PENUTUP

*Al-Sya'rāwī dan Sayyid Qutb* merupakan tokoh tafsir kontemporari, pandangan keduanya terhadap pendidikan Luqman dan pentafsiran keduanya terhadap ayat pendidikan Luqman sangat sesuai untuk dijadikan panduan dalam mendidik generasi masa ini, perbezaan antara kedua tokoh ini dalam mentafsirkan ayat pendidikan Luqman jelas dilihat pada metode pentafsiran dan jalan cerita untuk sampai kepada satu pengajaran tetapi dalam aspek pandangan dan idelogi kedua-duanya adalah sama. Ini adalah kerana pendidikan al-Qur'an pada bila-bila masa pun mempunyai matlamat dan objektif yang sama. Oleh itu, pandangan mereka tidak berbeza dan pandangan kedua-duanya boleh dijadikan panduan setiap pendidik untuk menjayakan misi pendidikan mereka. Begitulah orang Islam seharusnya mencontohi keperibadian Luqman al-Hakim serta kaedah beliau yang dikemukakan oleh kedua-dua tokoh tafsir ini dalam pendidikan dan pentarbiyanan anak-anak sebagai model pendidikan dan asas-asas ilmu pendidikan yang sesuai sepanjang zaman.

## BIBLIOGRAFI

Ahmad 'Umar Hāshim, *Al-Imām al-Sha'rāwī Mufassirīn Wa Da'iyyah*, Akhbār al-Yaum Kaherah, 1998

Alī Muhammad al'Ajalah. *Mā Hiya Asrār al-Najāh al-Sh'arāwī Ka Dā'iyyah*, Majalah al-Manar, j24, bil.4 Ogos 1998

Al-Munshawi et al., *Al-Sheikh al-Sya'rawi wa Hadīth al-Zikrāyāt* (tt)

Al-Sya'rāwī, *al-Khawāthir Hawl al-Qur'ān al-Karīm*, c.1,j.1, Kaherah: Dār Mayu al-Wathaniyyah, 1982

Majdi 'Abd al Mu'tī, *Anā Min Silālah 'Āl al-Bait*, c.1, Dār al-Raudhah, 2013.

Muhammad Yasin Jazar, 'Alīm 'Asrihi fī 'Uyūn Ma'āsirihī, Kaherah: Maktabah al-Turāth al-Islāmī, 1990.

Musthafa Umar, *Metode 'Aqliyyah Ijtima'iyyah: Kajian Terhadap Tafsir al-Sya'rawī*,(tt) .

Nusair Zarwāk, *Maqhāsid al-Syārī'atul al-'Islamiyyah fī Fikr al-'Imām Sayyid Qutb*, c1, Dār al-Salām, 2009

Sayyid Quṭb, *Fī Zilāl al-Qur'ān*, c.13, Beirut: Dār al-Syuruq, 1987.

Umar Ya'qub Jamil al-Salihī, *Madrasah al-Shaykh Al-Sha'rāwī fi al-Tafsīr*, h. 209. lihat juga 'Abd al-Mu'iz 'Abd al-Jazar et al., *al-Sya'rawi: Imām al-Da'āt Mujaddid Hadhā al-Qur'ān*